

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan program untuk membantu pekebun-pekebun yang menanam sayur di Sibu. Bagaimana pekebun sayur boleh mendapat bantuan daripada Kementerian atau melalui agensi Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2016 sehingga tahun 2018, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah memperuntukan sejumlah RM 600,000 bagi melaksanakan skim bantuan tanaman sayur di Bahagian Sibuan. Seramai 45 petani daripada Daerah Sibuan, Selangau dan Kanowit telah mendapat manfaat daripada skim tersebut. Bagi para petani yang berminat dalam penanaman sayur boleh memohon skim bantuan tersebut daripada Pejabat Pertanian Sarawak di setiap Daerah yang berdekatan.

Pekebun-pekebun yang menanam sayur-sayuran digalakkan menyertai Program Ladang Kontrak MOA. Antara perkhidmatan yang boleh diperolehi adalah pekebun mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dihasilkan dengan membuat perjanjian jual beli di antara pihak pekebun dengan pihak FAMA. Di dalam perjanjian jual beli tersebut, FAMA menawarkan 2 kaedah penetapan harga iaitu belian pada harga tetap dan belian pada harga semasa, disokong dengan harga lantai. Pada masa ini seramai 38 orang petani telah berdaftar bagi komoditi sayur-sayuran dengan keluasan kawasan tanaman sebanyak 69.40 hektar.

Selain itu, pekebun sayur tersebut juga boleh menjana pendapatan tambahan dengan menjual terus kepada pengguna melalui platform-platform seperti Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan *MyBest Buy* (MBB) anjuran FAMA termasuk Pasar Tani Kekal di Permai dan outlet-outlet FAMA seperti Agrobazaar Kedai Rakyat di sekitar Sibuan melalui premisnya yang terletak di Jalan Delta, Kampung Hilir dan Kampung Datu.

Sekian, terima kasih.